

D925

U B691 AAB  
MAHATHIR - SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 16 MEI (BERNAMA) -- MALAYSIA BELUM MENERIMA CADANGAN RASMI PERDANA MENTERI LEE KUAN YEW SUPAYA KEDUA-DUA NEGARA JIRAN ITU MEMBENARKAN AGAR KELENGAKPAN TENTERA MASING-MASING SALING DIPERIKSA UNTUK MENGHAPUSKAN SYAK WASANGKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR HARI INI BERKATA, MEREKA JUGA BELUM MEMULAKAN APA-APA PERBINCANGAN KERANA BELUM ADA CADANGAN RASMI. +LAGIPUN SAYA BARU PULANG DARI BERECUTI,+ KATANYA PADA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI JAMUAN TENGAH HARI BERSAMA SKUAD BADMINTON PIALA THOMAS NEGARA DI SEBUAH HOTEL DI SINI.

CADANGAN ITU DITIMBULKAN OLEH ENCIK LEE KUAN YEW DALAM SATU PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MENGAKHIRI LAWATAN SINGKAT KE MALAYSIA BARU-BARU INI.

APABILA DITANYA SAMA ADA CADANGAN ITU AKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA MALAYSIA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, IA TIDAK DAPAT DITENTUKAN LAGI KERANA CADANGAN ITU BELUM DIBINCANGKAN. -- LAGI.  
1833MST 16 05 90

D926

U B692 AAB  
MAHATHIR - SINGAPURA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERKARA ITU MUNGKIN DIKEMUKAKAN KEPADA KABINET UNTUK MENDAPAT PANDAN

GAN.  
KATANYA, BELIAU JUGA TIDAK MENERIMA APA-APA PANDANGAN DARIPADA ANSKATAN TENTERA MENGENAI CADANGAN BERKENAAN. -- BERNAMA.  
1833MST 16 05 90